UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PROF. DATO' DR. FARIZA MD SHAM
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh : 4 November 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 41/2026

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Dato'/Tuan/Puan,

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SECARA HIBRID/DALAM TALIAN SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI TAHUN 2026

Dengan hormatnya, merujuk kepada perkara di atas beserta siaran media daripada Kementerian Pendidikan Tinggi bertarikh 30 Oktober 2026 mengenai Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Secara Hibrid/Dalam Talian Sempena Sambutan Perayaan Deepavali Tahun 2026 adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, bagi meraikan kepelbagaian latar belakang pelajar, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah bersetuju untuk **melaksanakan Sesi PdP dijalankan secara hibrid/dalam talian, tertakluk kepada kesesuaian program pengajian pelajar dan pertimbangan pihak Fakulti/Institut/Pusat berkuat kuasa mulai 5 hingga 6 November 2026** bagi membolehkan para pelajar meraikan perayaan tersebut dengan:

2.1. Melaksanakan aktiviti PdP secara dalam talian atau hibrid;
2.2. Menangguhkan sebarang bentuk penilaian.

3. Seperti YBhg. Prof./Prof. Ulung/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, cuti pertengahan semester UKM akan bermula dari 9 – 15 November 2026. Justeru, bagi para pelajar yang menghadapi kesukaran mendapatkan tiket pulang ke kampus selepas bercuti untuk menghadiri kuliah, disarankan dapat berbincang dengan para pensyarah kursus masing-masing bagi menentukan kaedah lain yang bersesuaian.

4. Pihak Universiti mengingatkan pelajar agar sentiasa berhati-hati ketika pulang ke kampung halaman dan semoga semuanya selamat sampai ke destinasi yang dituju dan pulang kembali ke kampus kelak.

Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

'Selamat Menyambut Deepavali'

Sekian.

Yang benar,

PROFESOR DATO' DR. FARIZA BINTI MD SHAM FASc
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

s.k.:
- Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
- Pendaftar, UKM
- Penasihat Undang-Undang, UKM
- Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
- Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UKM
- Timbalan Pengarah (Governans Akademik), Pusat Pengurusan Akademik, UKM
- Presiden, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)